

**Soalan Objektif**

*Arahan: Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh empat jawapan pilihan. Pilih satu jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.*

- 1 Pernyataan manakah yang tepat mengenai masalah kekurangan dalam ekonomi?
- A Membuat pilihan yang memaksimumkan keuntungan.
  - B Kehendak manusia yang tidak terhad berbanding sumber ekonomi yang terhad.
  - C Memaksimumkan kepuasan pengeluar dengan menggunakan sumber yang terhad.
  - D Sumber ekonomi terhad, manakala kehendak manusia terhadap barang juga terhad.

- 2 Gambar 1 menunjukkan sejenis sumber ekonomi.



Gambar 1

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan ciri sumber ekonomi tersebut?

- A Tiada mobiliti kegunaan
  - B Mempunyai penawaran terhad
  - C Meningkatkan kecekapan buruh
  - D Merupakan sumber alam semulajadi
- 3 Manakah andaian keluk kemungkinan pengeluaran yang betul.
- A Tingkat teknologi berubah-ubah
  - B Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang
  - C Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh
  - D Sumber ekonomi adalah tidak terhad

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 4 Masalah asas ekonomi apa yang hendak dikeluarkan diselesaikan oleh sistem ekonomi perancangan pusat melalui
- A corak agihan pendapatan masyarakat.
  - B permintaan masyarakat yang tinggi dalam pasaran.
  - C keperluan masyarakat yang berlandaskan hukum syariat.
  - D sistem catuan yang berlandaskan kepada keperluan masyarakat.
- 5 Jadual 1 menunjukkan permintaan Haziqah dan Hariza terhadap sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Unit)	
	Haziqah	Hariza
3	15	13
6	6	9
9	2	6


Jadual 1

Berapakah permintaan pasaran pada tingkat harga RM 6?

- A 6 unit
- B 9 unit
- C 15 unit
- D 18 unit

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

6 Rajah 1 menunjukkan permintaan Kasut Jenama Velno.




Rajah 1

Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya peralihan keluk dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Cita rasa semakin menurun
- B Penurunan harga barang itu
- C Pendapatan pengguna menurun
- D Jangkaan harga pada masa hadapan meningkat

7 Rajah 2 menunjukkan keseimbangan pasaran dalam pasaran barangan.




Rajah 2

Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk penawaran dari  $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ?

- A Harga keseimbangan akan menurun
- B Kuantiti keseimbangan akan menurun
- C Harga dan kuantiti keseimbangan akan naik
- D Harga dan kuantiti keseimbangan akan turun

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 8 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tudung Saloma.



Rajah 3

Berapakah kuantiti **X** jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 2.5?

- A 60 Unit  
 B 65 Unit  
 C 70 Unit  
 D 75 Unit
- 9 Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi barang XY.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
20	10

Jadual 2

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang XY?

- A Pengeluar meningkatkan harga barang XY.  
 B Pengeluar menurunkan harga barang XY.  
 C Pengeluar meningkatkan permintaan barang XY.  
 D Pengeluar menunggu kerajaan memberikan subsidi.

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 10 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A Encik Fauzi membayar RM 6000 sebagai deposit untuk kereta Myvi baharu.
  - B Cik Yani membayar RM 1325 setiap bulan untuk rumahnya selama 30 tahun.
  - C Encik Azman mengunjungi lebih daripada tiga kedai untuk membandingkan harga barang sebelum membeli .
  - D Puan Munirah membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Sri Arau Emas Bhd.
- 11 Apakah kemudahan bank perdagangan yang boleh membuat pembayaran secara tetap mengikut jumlah dan tarikh yang sama setiap bulan?
- A Draf bank
  - B Perintah sedia ada
  - C Debit langsung
  - D Pindahan kredit
- 12 Pernyataan manakah yang menerangkan prinsip Takjiri dalam Perbankan Islam?
- A En Ali boleh mengambil alih harta disewa
  - B Puan Alisya membeli rumah dengan pembayaran tertangguh
  - C Pihak bank sebagai pemegang Amanah sijil saham milik Puan Puteri
  - D Cik Noni menyimpan wang sebanyak RM2000 untuk tempoh setahun
- 13 Pendapatan yang manakah diterima oleh seorang individu tanpa menggunakan faktor pengeluaran?
- A Sewa
  - B Upah
  - C Faedah
  - D Biasiswa

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 14 Jadual 3 berkaitan dengan pendapatan Encik Malik pada tahun 2022.

<b>Pendapatan dan potongan</b>	<b>RM</b>
Gaji	20 000
Elaun	500
KWSP	10%
Insurans Nyawa	400
Cukai Pendapatan	150
Zakat	180
Bil air	130

Jadual 3

Hitungkan pendapatan boleh guna En Malik.

- A RM 16 190
  - B RM 17 120
  - C RM 18 120
  - D RM 19 770
- 15 Mengapakah seseorang individu perlu merancang belanjawan peribadi?
- A Meningkatkan hasil pendapatan individu
  - B Merancang perbelanjaan mengikut keutamaan
  - C Merancang perbelanjaan berdasarkan jumlah potongan wajib
  - D Memastikan perbelanjaan terancang ketika promosi jualan pada musim perayaan

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 16 Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi pengeluaran?
- A input tetap bermula pada pengeluaran sifar  
 B gabungan output yang cekap untuk mengeluarkan input  
 C Kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka panjang  
 D penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka pendek
- 17 Pilih pasangan kos tetap dan kos berubah yang tepat bagi sebuah Syarikat Pemaju Perumahan.

	<b>Kos Berubah</b>	<b>Kos Tetap</b>
A	Susut nilai kereta	Pembelian simen
B	Upah buruh kasar	Sewa Pejabat
C	Gaji penyelia projek	Minyak petrol lori
D	Faedah pinjaman bank	Bil Elektrik

- 18 Jadual 4 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

<b>Keluaran (unit)</b>	<b>Kos berubah (RM)</b>	<b>Jumlah Kos (RM)</b>
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Jadual 4

Berapakah kos tetap firma tersebut?

- A RM 50  
 B RM 100  
 C RM 150  
 D RM 200

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

19 Jadual 5 berkaitan dengan kos pengeluaran barang X.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)	Kos Tetap (RM)
1	12	15
2	20	15
3	35	15
4	52	15

Jadual 5

Pada tingkat output berapakah kos purata paling minimum?

- A 1 unit
- B 2 unit
- C 3 unit
- D 4 unit

20 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang kos implisit?

- A Kos yang dibayar dengan tunai
- B Contoh bayaran upah pekerja
- C Bayaran input pengeluaran yang dimiliki oleh orang lain
- D Kos yang sepatutnya dibayar tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran

- 21 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran baju melayu oleh Syarikat Muhibah Bhd.

- Kos pengeluaran sepasang baju melayu RM45.
- Jumlah pengeluaran baju melayu 1500 pasang.

Hitung jumlah keuntungan Syarikat Muhibah jika harga sepasang baju melayu adalah RM80.00?

- A RM 29 000  
B RM 30 000  
C RM 45 000  
D RM 52 500
- 22 Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk kegunaan masyarakat?
- A Penebangan hutan meningkat  
B Nilai hartanah setempat meningkat  
C Kos pengangkutan akan lebih tinggi  
D Kadar pencemaran bunyi yang tinggi
- 23 Pernyataan manakah yang betul tentang ciri – ciri pasaran monopoli semula jadi
- A Harga ditentukan melalui kuasa pasaran  
B Sebuah firma sahaja yang mengeluarkan barang  
C Keluaran firma mempunyai pengganti yang hampir  
D Berlaku kebebasan keluar masuk pasaran

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 24 Antara berikut yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?
- I Menetapkan dasar harga minimum
  - II Menentukan penempatan perindustrian
  - III Mengisytiharkan sesetengah barang pengguna sebagai barang kawalan
  - IV Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma oleh agensi kerajaan
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV
- 25 Pernyataan manakah yang betul tentang pengangguran berstruktur?
- A Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal
  - B Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan
  - C Kekurangan kemahiran menyebabkan orang ramai berhenti kerja
  - D Firma menutup operasi kilang kerana firma mengecilkan operasi

- 26 Jadual 6 menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tempoh satu tahun.

Sumber Hasil	RM (juta)
Cukai pendapatan individu	40 000
Duti eksport	6 500
Cukai pendapatan koperasi	265
Duti eksais	4 550
Lesen/Permit	2 018
Duti Import	1 330

Jadual 6

Berapakah jumlah anggaran hasil kerajaan daripada hasil cukai tak langsung pada tahun tersebut?

- A RM 7 832 juta
  - B RM 12 380 juta
  - C RM 14 398 juta
  - D RM 25 337 juta
- 27 Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

- A Sektor Keselamatan
- B Sektor Pentadbiran Am
- C Sektor Perkhidmatan Sosial
- D Sektor Perkhidmatan Ekonomi

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

28 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

"Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia".

*Sumber: Malaysiakini.com, 23 September 2022*

Antara yang berikut, tindakan bank pusat yang manakah dapat mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar cukai
- II Meningkatkan kadar faedah
- III Membeli surat jaminan kerajaan
- IV Menurunkan jumlah deposit pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Antara berikut yang manakah merupakan risiko operasi Syarikat Multinasional di peringkat Antarabangsa?

- I Menggalakkan aktiviti lambakan
- II Kehilangan aset akibat perbezaan politik
- III Meningkatkan kuasa monopoli pengeluar
- IV Menerima bantahan daripada Masyarakat

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

30 Apakah kesan kepada rakyat Malaysia apabila kerajaan mengenakan tarif ke atas barang import?

- A Kuantiti barang import meningkat
- B Kuantiti barang tempatan menurun
- C Harga barang import menjadi murah
- D Harga barang tempatan relatif murah

31 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

En Charles dan isterinya bercuti di Pulau Manuka, Sabah dengan menaiki Malaysia Airlines

Apakah komponen eksport barang tak nampak berdasarkan maklumat di atas?

- I Perkhidmatan Pembinaan
- II Perkhidmatan Perkilangan
- III Perkhidmatan Pelancongan
- IV Perkhidmatan Pengangkutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Situasi yang manakah boleh memperbaiki imbalan pembayaran bagi Malaysia

- A Peningkatan kemasukan pelancong Jepun
- B Bilangan pelajar Malaysia di India bertambah
- C Syarikat Munchy's meningkatkan pelaburan di negara Bahrin
- D Rakyat Malaysia menempah tiket pelayaran Louis Cruise Lines

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

33 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- A Ringgit Malaysia diramal meningkat
- B Pelaburan syarikat Malaysia di Thailand
- C Pelajar melanjutkan pelajaran di New Zealand
- D Syarikat QC membeli mesin pengadun daripada Negara Jepun

34 Jadual 7 menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dan Brunei Dollar.

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Brunei Dolar (BDN)	3.43	3.47

Jadual 7

En Zakaria seorang pelancong dari Brunei ingin menukar BDN 5000 kepada Ringgit Malaysia. Hitung jumlah Ringgit Malaysia yang akan diterima Encik Zakaria.

- A RM 1,440.92
- B RM 1,457.72
- C RM 17,150.00
- D RM 23,596.00

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
<b>A</b>	Betul	Salah
<b>B</b>	Salah	Betul
<b>C</b>	Salah	Salah
<b>D</b>	Betul	Betul

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

- 35 I Matlamat ekonomi Islam untuk mencapai keseimbangan antara kebahagiaan individu sahaja.  
II Keputusan ekonomi Islam haruslah berdasarkan prinsip Al-Quran dan Hadis.
- 36 I Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan menurun  
II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
- 37 I Untung merupakan pendapatan faktor tidak produktif.  
II Pendapatan faktor tidak produktif merupakan ganjaran kepada individu yang memberi sumbangan dalam ekonomi.
- 38 I Semua input dalam pengeluaran jangka pendek ialah input berubah.  
II Input berubah wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- 39 I Dasar harga maksimum adalah penetapan harga yang lebih rendah daripada tingkat harga keseimbangan.  
II Dasar harga minimum adalah dasar penetapan harga lebih tinggi daripada tingkat harga keseimbangan.
- 40 I Lebihan akaun semasa menyebabkan penurunan dalam pendapatan negara.  
II Peningkatan permintaan import menyebabkan berlakunya lebihan akaun semasa.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm